

RM40 harga lambang rasmi kerajaan negeri

Oleh HATA WAHARI
(WARTAWAN UTUSAN)

SETIAP tahun, lebih 1,000 individu dikurniakan darjah dan bintang kebesaran sempena Ulang Tahun Keputeraan Baginda Sultan Perak, Sultan Azlan Shah.

Pada tahun ini sebanyak 1,435 individu menerima anugerah itu, di mana 60 di-anugerahkan darjah tertinggi membawa gelaran Datuk seperti Seri Panglima Taming Sari (SPTS). Seramai 1,375 individu lagi dianugerahkan bintang kebesaran yang tidak membawa gelaran Datuk seperti Paduka Cura Simanja Kini (PCM).

Persoalannya, jika kesemua penerima meletakkan lambang rasmi kerajaan negeri di kereta masing-masing, dijangkakan dalam tempoh beberapa tahun kesemua kereta di Perak mungkin akan menggunakan lambang tersebut.

"Apa salahnya," kata seorang penerima bintang kebesaran PCM, kerana ia menunjukkan rakyat negeri ini banyak mencurahkan bakti kepada Perak.

Namun penerima PCM itu tidak sedar meletakkan lambang rasmi di kereta memberi kesan besar kepada urusan harian pemiliknya.

Polis trafik 'tidak berani' menahan dan mengeluarkan saman kepada pemandu kereta, tiada halangan untuk memasuki kawasan-kawasan larangan kerana pengawal keselamatan pasti tidak berani melarang pemandu berbuat

demikian.

Apa yang pengawal itu takut mungkin kereta itu milik seorang Datuk sedangkan realitinya ia hanya penerima paling rendah dalam hierarki pengurniaan darjah dan bintang kebesaran negeri, mungkin hanya Pingat Jasa Kebaktian (PJK) ataupun Pingat Lama Perkhidmatan (PLP).

Sehubungan itu amaran Menteri Besar, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli agar penerima-penerima darjah dan bintang kebesaran negeri tidak memasang lambang-lambang rasmi kerajaan negeri pada kenderaan masing-masing amat dialu-alukan.

Amaran sama juga turut diberikan kepada para peniaga yang menjual lambang-lambang berkenaan secara berleluasa di Perak.

"Larangan ini terpaksa dibuat berikutan banyak aduan yang kita terima daripada pihak berkuasa polis dan orang awam mengenainya.

Lambang

"Pemasangan lambang ini satu ketika dulu diberikan kepada ahli-ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) tetapi sekarang ini ada penerima PJK dan Ahli Mahkota Perak (AMP) yang pakai, kalau hendak diikutkan kita ada beribu-ribu penerima," katanya.

Mohd. Tajol Rosli menegaskan terdapat enakmen yang melarang pemasangan lambang rasmi kerajaan negeri itu sesuka hati, malahan telah ditetapkan hanya penerima darjah Datuk Paduka Mahkota Perak (DPMP) sahaja layak menggunakan lambang rasmi tersebut.

Di bawah enakmen itu, mereka yang didapati melanggar tatacara pemasangan lambang kebesaran boleh didenda sehingga RM1,000.

Persoalannya mengapa kerajaan negeri baru hendak bertindak, sedangkan perkara itu telah berlaku sejak bertahun-tahun.

Untuk membeli lambang rasmi kerajaan negeri itu memang mudah, dengan harga serendah RM40 ia boleh dibeli di mana-mana kedai cenderahati di negeri ini.

Tiada soalan diajukan dan tiada surat kelulusan dari kerajaan negeri diperlukan. Malah, wartawan *Utusan Malaysia* yang membuat tinjauan dengan hanya memakai baju kerja biasa pun boleh membeli lambang tersebut tanpa banyak masalah.

Pelbagai aduan telah dibuat dan media juga sering kali mendedahkan mengenai pemasangan lambang itu yang melanggar peraturan.

Utusan Malaysia melalui ruangan *forumnya*, memaparkan rungutan orang ramai terhadap kereta yang dipasang lambang rasmi tersebut melanggar pelbagai peraturan lalu lintas.

Memecut laju di jalan raya dan memo-

tong barisan adalah antara pelbagai kesalahannya yang dilakukan oleh pemilik-pemilik kereta terbabit.

Persoalan lain, bagaimana penerima-penerima ini boleh terfikir untuk menggunakan lambang rasmi tersebut.

Apa yang mereka fikirkan ketika menempah lambang rasmi itu? Adakah ia satu kemegahan atau untuk menakut-nakutkan pihak berkuasa terutama polis dan boleh melanggar pelbagai undang-undang trafik atau hanya suka-suka kerana semua orang pakai.

Walau apa pun sebabnya, mereka perlu menghentikan amalan ini kerana memasang lambang itu juga bermakna membawa beban yang besar terutama menjaga nama baik Sultan Perak yang sudi mengurniakan darjah dan bintang kebesaran tersebut.

Oleh itu, penguatkuasaan perlu dilaksanakan segera untuk menanggalkan lambang-lambang rasmi yang terdapat di kereta-kereta di negeri ini.

Selain itu, tindakan tegas sepatutnya dikenakan kepada kedai-kedai terlibat bagi memastikan mereka tidak sewenang-wenangnya menjual lambang-lambang rasmi kerajaan negeri.

Menteri Besar juga perlu memastikan pada masa-masa depan hanya mereka yang mempunyai kelulusan bertulis dari kerajaan negeri boleh memasang lambang tersebut di kereta masing-masing, selain diletakkan nombor siri bagi mengelak pemalsuan.

Um-19/9/2006